

19 JUN 1999

Umno-Mahkamah

PENJELASAN DR MAHATHIR MENGENAI ISU ANWAR TIDAK MENYALAHAI UNDANG-UNDANG

KUALA LUMPUR, 19 Jun (Bernama) -- Penjelasan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada perasmian Perhimpunan Agung parti semalam tidak menyalahi undang-undang, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

"Perkara itu diperkatakan di dalam tempat yang melibatkan parti. Anwar, (dahulunya) anggota parti dan Dr Mahathir menjelaskan kepada anggota parti mengapa tindakan diambil.

"Ini bukan satu perkara yang terkeluar daripada apa yang menjadi amalan biasa," kata Syed Hamid, yang berkelulusan dalam bidang perundangan.

Beliau diminta mengulas mengenai kebenaran yang diberi oleh Mahkamah Tinggi kepada pihak pembelaan dalam perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim atas tuduhan meliwat untuk memfail permohonan supaya Perdana Menteri dipenjarakan kerana menghina mahkamah.

Dalam permohonan lisannya, Karpal Singh berhujah bahawa Dr Mahathir, dalam ucapannya pada perhimpunan agung itu, telah bercakap mengenai moral dan tingkah laku Anwar yang didakwa telah "menentukan terlebih dahulu keputusan mahkamah" (mengenai kes berkenaan).

Syed Hamid berkata adalah menjadi hak Perdana Menteri, selaku Presiden parti, untuk menerangkan mengapa tindakan diambil terhadap Anwar bagi mengelak apa-apa kekeliruan yang mungkin timbul.

"Kita hukum dari segi parti. Sama ada dari segi undang-undang, ia salah atau tidak itu, bukan bidang kita. Yang kita buat, ia berasaskan kepada keputusan parti," katanya.

Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Datuk Hishammuddin Tun Hussein pula berkata tindakan itu memang telah dijangka akan dilakukan oleh pihak pembelaan kes Anwar.

"Biar mahkamah yang menentukan. Saya rasa Perdana Menteri sudahpun mengambil kira kemungkinan mereka akan saman beliau," katanya.

Sambil menganggap tindakan Dr Mahathir itu sebagai berani, Hishammuddin berkata tindakan itu jelas menunjukkan sikap patriotisme untuk meluahkan apa yang sebenarnya berlaku.

"Demi kepentingan parti, Perdana Menteri telah menjernihkan keadaan yang keruh. Kalau mereka nak saman, samanlah. Biar kita ke mahkamah dan lihat apa sebenarnya yang ditimbulkan," kata Hishammuddin, yang juga berkelulusan dalam bidang undang-undang.

-- BERNAMA

NZ NAK